

**Tindakan Selangor Kenakan Premium Tanah Kediaman Tinggi Tidak Bertanggungjawab
Bernama
30 November, 2012**

SHAH ALAM, 30 Nov (Bernama) -- Tindakan kerajaan Selangor mengenakan kadar premium tanah kediaman yang tinggi kepada rakyat di negeri ini disifatkan sebagai perbuatan tidak bertanggungjawab.

Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Sulaiman Abdul Razak dari Barisan Nasional (BN) berkata ini kerana kerajaan negeri cuba mengaut keuntungan apabila memperkenalkan sistem premium mengikut nilai pasaran sehingga mencecah ratusan ribu ringgit, sekaligus membebankan rakyat berpendapatan rendah.

"Saya sendiri menerima berpuluh-puluh aduan daripada penduduk yang tidak mampu membayar premium tanah kerana harga yang dikenakan sangat tinggi. Sebagai contoh, ada pemilik tanah di kawasan Kampung Sungai Yu, Tanjong Karang yang terpaksa membayar premium mencecah hampir RM230,000 untuk tanah seluas 0.7 hektar.

"Keadaan ini ternyata berbeza ketika pentadbiran BN yang mengenakan premium tanah beberapa ribu ringgit saja (untuk keluasan sama). Adalah sesuatu yang menyedihkan kerana rakyat terpaksa membayar premium tanah yang sama mahal dengan harga hartanah semasa," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini.

Sulaiman berkata kegagalan kerajaan negeri memahami kepentingan kemudahan asas ini, selain mengambil kesempatan mencari untung besar dengan mengenakan premium tanah yang tinggi, turut dikesali pemaju projek pembangunan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=712931>